

Amalan Perakaunan Zakat di Majlis Agama Islam Negeri Terpilih

Marhanum Che Mohd Salleh¹, Siti Alawiah Siraj

International Islamic University Malaysia

Received: 2 October 2019

Reviewed: 30 October 2019

Accepted: 5 November 2019

Abstrak

Ketiadaan piawai khusus untuk perakaunan zakat telah menyebabkan wujudnya ketidakseragaman amalan perakaunan zakat oleh pentadbir zakat di Malaysia. Ianya juga telah menyebabkan pentadbir zakat didakwa mengalami masalah ketelusan dalam pentadbiran berkaitan zakat. Tujuan penulisan ini adalah untuk meninjau amalan perakaunan kutipan dan agihan zakat yang dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) terpilih. Seterusnya, penulisan ini akan membincangkan amalan perakaunan yang lebih bertepatan dengan konvensyen perakaunan yang diterima pakai serta mematuhi keperluan Syariah yang boleh dijadikan asas untuk pembangunan piawai zakat. Pengumpulan data telah dijalankan melalui analisa ke atas Penyata Kewangan 2016 MAIN tersebut dan perbincangan kumpulan fokus bersama pegawai-pegawai MAIN yang berkaitan dengan pentadbiran zakat. Kajian mendapati kesemua MAIN terpilih telah melaksanakan perakaunan dana (*fund accounting*). Namun, perakaunan tunai digunakan bagi merekodkan urusan niaga berkaitan zakat. Kutipan zakat diakaunkan sebagai hasil bagi Kumpulan Wang (KW) Zakat selaras dengan perakaunan dana. Agihan secara langsung (konsumtif) diakaunkan sebagai perbelanjaan (operasi) KW Zakat di kesemua MAIN terpilih. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan dalam merekodkan agihan produktif zakat. Majoriti MAIN merekodkan agihan produktif yang melibatkan perbelanjaan modal (aset) sebagai perbelanjaan (operasi) KW Zakat dan tiada pengiktirafan aset.

Kata kunci: zakat, hasil, belanja, Majlis Agama Islam Negeri, MPSAS

¹ Penulis adalah Penolong Profesor di Kulliyah of Economics and Management Sciences, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Artikel ini adalah sebahagian daripada dapatan projek penyelidikan yang dibiayai oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

Abstract

The absence of a specific standard for zakat accounting has led to the inconsistency of zakat accounting practices by zakat administrators in Malaysia. Zakat administrators are alleged to have transparency issues in the zakat-related administrative affairs. The purpose of this article is to examine the accounting practices for the collection and distribution of zakat by the State Islamic Religious Council (SIRC). In turn, this article discusses accounting practices that aligned with generally accepted accounting conventions and comply with the Syariah requirements, which then be the basis for the development of zakat accounting standards. Data collection was conducted through analysis of the SIRC financial statements of 2016 and focus group discussions with officials of zakat administration and the accountants. The study found that all the selected SIRC adopt fund accounting. They use cash accounting in the event of zakat transactions. Zakat collection is the revenue for the Zakat Fund (ZF) under the fund accounting. Direct (consummative) distributions as an expenditure of ZF in all the selected SIRC. However, there are differences in accounting for productive zakat distributions involving capital expenditure (i.e. assets). Three SIRC accounted for it as an expenditure (operations) of ZF and no recognition of assets.

Keywords: *zakat, income, expenses, State Islamic Religious Council, MPSAS*

1 Pengenalan

Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa sepenuhnya kepada negeri dalam hal ehwal berkaitan dengan Islam termasuk dalam urusan pentadbiran zakat. Melalui peruntukan ini, akta atau enakmen pentadbiran hal-ehwal agama Islam melantik Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai pentadbir zakat (*amil*) bagi negeri masing-masing kecuali di negeri Kedah. Lembaga Zakat Negeri Kedah adalah agensi negeri yang ditubuhkan khusus sebagai pentadbir zakat negeri Kedah. Implikasi peruntukan undang-undang tersebut, terdapat ketidakseragaman dalam pelaksanaan pentadbiran zakat termasuklah dalam aspek perakaunan zakat. Ketidakseragaman amalan perakaunan zakat ini juga disumbang oleh ketiadaan piawaian perakaunan khusus serta memenuhi keperluan Syariah untuk urus niaga zakat di Malaysia. Keadaan ini secara tidak langsung telah meletakkan MAIN diselubungi dengan isu ketelusan pentadbiran dan akauntabiliti sebagai pentadbir zakat.

Bertitik tolak daripada penelitian tersebut, MAIN perlu untuk mempunyai sistem perakaunan dan pendedahan maklumat yang lebih telus dan wajar untuk membantu pengurusan MAIN supaya lebih berkesan dan cekap. Satu perakaunan yang khusus untuk zakat dan memenuhi

keperluan Islam perlu dibangunkan oleh pihak yang berkuasa. Selaras dengan penelitian tersebut, penulisan ini bertujuan untuk membuat tinjauan ke atas amalan perakaunan kutipan dan agihan zakat yang dilaksanakan oleh MAIN terpilih. Seterusnya, penulisan ini akan membincangkan amalan perakaunan yang lebih bertepatan dengan konvensyen perakaunan yang diterima pakai serta mematuhi keperluan Syariah yang boleh dijadikan asas untuk pembangunan piawaian zakat. Penulisan seterusnya akan memberikan latar belakang mengenai pentadbiran zakat di Malaysia. Ini diikuti oleh perbincangan mengenai konsep hasil dalam perakaunan awam dan dari perspektif Islam. Seksyen seterusnya akan membincangkan secara ringkas kaedah penyelidikan dalam memahami perakaunan kutipan dan agihan zakat di MAIN terpilih. Seterusnya, penulisan ini akan membincangkan dapatan kajian dan diikuti dengan cadangan perakaunan wajar bagi kutipan dan agihan zakat selaras dengan amalan perakaunan umum yang diterima pakai dan keperluan Syariah. Seksyen terakhir adalah rumusan keseluruhan penulisan.

2 Pentadbiran Zakat di Malaysia

Perlembagaan Persekutuan telah menyenaraikan hal ehwal berkaitan dengan agama Islam adalah terletak di bawah bidang kuasa negeri-negeri sepertimana yang diperuntukkan di dalam Jadual Kesembilan (Senarai 2 - Senarai Negeri). Ia menyenaraikan urusan-urusan berkaitan dengan wakaf, zakat, baitulmal dan yang berkaitan dengannya sebagai tanggungjawab setiap negeri di Malaysia. Peruntukan Kewangan Perlembagaan Persekutuan turut menyatakan bahawa hasil zakat hendaklah diakaunkan di dalam dana (Kumpulan Wang) berasingan dan bukan di dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan atau Negeri. Sehubungan itu, semua negeri telah membuat peruntukan berkaitan dengan pengurusan zakat di dalam akta atau enakmen negeri masing-masing seperti Enakmen Pentadbiran Islam (Negeri Selangor) 2003, Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah Negeri Selangor 2013 dan Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559). Enakmen-enakmen negeri telah meletakkan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai institusi yang mentadbir kutipan dan agihan zakat di negeri masing-masing kecuali di negeri Kedah di mana pentadbiran zakat adalah dilaksanakan sepenuhnya oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah di bawah pentadbiran negeri.

Secara keseluruhannya, MAIN memegang dua fungsi penting dalam rangka kerja pentadbiran negeri. Selain daripada mentadbir aktiviti pembangunan ekonomi Islam negeri termasuk pentadbiran zakat, fungsi utama MAIN adalah membantu dan menasihati Sultan sebagai Ketua Agama Islam mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Islam dan adat istiadat Melayu. Seksyen 5 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pahang) 1991 sebagai contoh, telah menggariskan secara jelas fungsi Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) untuk menasihati Sultan berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam dan adat resam Melayu kecuali yang berkaitan dengan pentadbiran keadilan. Ini menjadikan MAIN sebagai badan berkuasa tertinggi dalam pentadbiran Islam di peringkat negeri. Kewujudan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) yang ditubuhkan pada 24 Mac 2004 oleh Kerajaan Persekutuan,

bagaimanapun, adalah hanya bertujuan untuk membuat pemantauan pentadbiran wakaf, zakat dan urusan haji di seluruh negara menjadi lebih tersusun, sistematik dan berkesan (Hamizul Abdul Hamid, 2008).

Pada tahun 1990-an, terdapat perubahan struktur pentadbiran zakat di beberapa MAIN bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan zakat secara amnya. Sistem kutipan zakat secara profesional telah diperkenalkan di Malaysia melalui aktiviti pengkorporatan dan penswastaan. Setelah pengenalan tersebut, struktur pengurusan aktiviti zakat di Malaysia telah mengalami perubahan di negeri-negeri tertentu. Di beberapa buah negeri, kutipan dan/atau agihan dilaksanakan oleh entiti yang dilantik sebagai ejen melalui konsep '*wakalah*'. *Wakalah* melibatkan penurunan fungsi-fungsi tertentu (kutipan zakat) kepada pihak ketiga untuk sesuatu aktiviti atau item tertentu (Al-Zuhayli, 2002; Saleem, 2007). Inisiatif ini didakwa telah berjaya meningkatkan hasil kutipan zakat (Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Noor & Sanep Ahmad, 2005). Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) umpamanya telah melantik Harta Suci Sdn Bhd (Pusat Pungutan Zakat) untuk melaksanakan kutipan zakat di Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya) dan mengekalkan tugas agihan oleh Bahagian Baitulmal MAIWP. Model pengurusan ini juga dilaksanakan oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang (MUIP) dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM).

Sebagai pentadbir zakat (*amil*) juga, MAIN bertanggungjawab dalam pentadbiran kutipan dan agihan zakat termasuklah memberi kesedaran kepada umum mengenai kewajipan mengeluarkan atau membayar zakat, menyediakan infrastruktur bagi pembayaran zakat, dan mengendalikan agihan zakat kepada asnaf di negeri masing-masing. Tanggungjawab MAIN juga telah dikembangkan kepada pembangunan asnaf bertujuan untuk mengubah kehidupan mereka sehingga mampu berdikari dan seterusnya menjadi pembayar zakat. MAIN telah melakukan inovasi dalam skim bantuan kepada asnaf yang bukan hanya memberi bantuan langsung atau konsumatif di mana faedah zakat boleh dinikmati dengan segera tetapi juga skim bantuan jangka panjang. Skim-skim ini melibatkan pemberian harta modal atau pembinaan bangunan dan kemudahan untuk kegunaan jangka panjang pembangunan asnaf.

3 Konsep Hasil

3.1 Konsep Hasil dalam Perakaunan

Menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (*International Financial Reporting Standards* [IFRS]), hasil adalah "peningkatan dalam aset, atau penurunan dalam tanggungan, yang mengakibatkan peningkatan dalam ekuiti, selain daripada yang berkaitan dengan sumbangan daripada pemegang ekuiti tuntutan". Peningkatan dalam aset atau penurunan dalam tanggungan ini berlaku kerana terdapat aliran masuk faedah ekonomi seperti yang dijelaskan oleh Piawaian Perakaunan Antarabangsa (*International Accounting Standards* [IAS]). Hasil ditakrif sebagai aliran masuk kasar faedah ekonomi (tunai, penghutang, aset lain) yang timbul dari aktiviti operasi biasa entiti (seperti jualan

barang, jualan perkhidmatan, faedah, royalti, dan dividen) [IAS 18.7]. Definisi hasil ini juga diterima pakai oleh Piawaian Pelaporan Entiti Swasta Malaysia (*Malaysian Private Entities Reporting Standards* [MPERS]) sebagai “pendapatan yang timbul dalam perjalanan aktiviti biasa entiti termasuk jualan, yuran, faedah, dividen, royalti dan sewa”. Di dalam konteks perakaunan sektor awam pula, terdapat dua kategori hasil iaitu hasil yang terbit dari urus niaga pertukaran dan hasil daripada urus niaga bukan pertukaran. Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (*Malaysian Public Sector Accounting Standards* [MPSAS]) mendefinisikan urus niaga pertukaran sebagai “apabila entiti menerima aset atau perkhidmatan, atau liabilitinya dilangsaikan, dan secara langsung memberikan nilai yang setara (terutamanya dalam bentuk barangan, perkhidmatan atau penggunaan aset) kepada pihak lain dalam pertukaran” (para 5). Ini termasuklah hasil daripada urus niaga berbentuk jualan barang atau premis, barang kraftangan dan sebagainya, hasil sewaan, dividen dan royalti. Manakala urus niaga bukan pertukaran yang dibincangkan oleh MPSAS 23 adalah keadaan di mana sesuatu entiti akan menerima sumber tanpa memberikan apa-apa ganjaran atau menyediakan ganjaran yang nominal dengan segera sebagai balasan. Dengan kata lain, urus niaga bukan pertukaran tidak akan melibatkan pertukaran nilai yang setara. Urus niaga ini lebih kerap berlaku di dalam sektor kerajaan seperti kutipan cukai. Di MAIN, urus niaga kutipan zakat, kutipan sumbangan dan derma serta wakaf adalah urus niaga yang dikategorikan sebagai urus niaga bukan pertukaran.

Dengan konsep hasil yang telah disepakati oleh piawaian perakaunan tersebut, dalam pengiktirafan hasil secara umumnya hendaklah diukur pada “pertimbangan nilai saksama yang diterima atau belum diterima” (MPSAS 9 para 14). Pertimbangan yang dimaksudkan ini adalah dalam bentuk wang tunai atau setara tunai sama ada yang diterima atau belum diterima. Manakala pengiktirafan hasil daripada urus niaga bukan pertukaran di dalam sektor awam pula hendaklah diukur “pada amaun pertambahan aset bersih yang diiktiraf oleh entiti” (MPSAS 23 para 48). Dalam konteks pentadbiran zakat di Malaysia yang dilaksanakan oleh MAIN, secara umumnya kutipan zakat diiktiraf sebagai hasil dalam Kumpulan Wang Zakat berdasarkan konsep perakaunan tunai.

3.2 Konsep Hasil dalam Islam

Hasil atau keuntungan dalam Bahasa Arab disebut *al-Ribh* yang berasal daripada kata dasar *rabiha*. Ianya bermaksud ‘pertambahan dalam kegiatan perniagaan’. Ini dinyatakan di dalam surah Al-Baqarah seperti berikut:

Maksudnya ‘Mereka itulah orang yang membeli kesesatan dengan petunjuk, maka tidaklah beruntung perniagaan mereka dan tidaklah mereka mendapat petunjuk’ (ayat 16).

Al-ribh di dalam ayat di atas telah diberi pengertian yang berbeza-beza. Mengikut ahli tafsir, *al-ribh* diertikan sebagai pertambahan ke atas modal. Manakala dari segi istilah, para fuqaha telah memberi dua pengertian ke atas *al-ribh*. Pertama, dalam

konteks zakat, ia ditakrifkan sebagai pertambahan ke atas modal iaitu sama seperti pengertian yang diberi oleh ahli tafsir. Pengertian kedua adalah merujuk kepada *al-muriibahah* iaitu pertambahan ke atas modal setelah ditolak segala perbelanjaan yang dikeluarkan dalam proses memperolehi lebih tersebut. Maka, kajian ini menyimpulkan bahawa hasil atau keuntungan menurut perspektif Islam dapatlah diertikan sebagai sebarang pertambahan kepada modal (*ra's al-maal*) iaitu hasil daripada kegiatan pelaburan yang patuh Syariah seperti perniagaan, perindustrian dan seumpamanya, setelah ditolak kesemua kos yang terlibat dalam usaha penghasilan keuntungan tersebut.

3.2.1 Ciri-ciri Hasil/Keuntungan

Islam telah menggariskan ciri-ciri hasil atau keuntungan dalam sebarang kegiatan seperti perniagaan, perindustrian dan sebagainya seperti berikut:

- i. Bebas daripada unsur riba
Riba ialah pertambahan yang berlaku dalam urus niaga barang-barang *ribawi* atau dalam urus niaga hutang. Ia diharamkan dalam Islam sepertimana yang ditegaskan di dalam al-Qur'an "Dan Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba" serta hadis Rasulullah SAW yang bermaksud "Rasulullah SAW melaknat orang yang memakan riba, orang yang mewakilinya, orang yang membuat catatan mengenainya dan orang yang menjadi saksinya".
- ii. Bersih daripada unsur *ghabn fahish* yang berpunca daripada *taghrir*
Yang dimaksudkan dengan *ghabn* di sini ialah ketidakseimbangan nilai antara dua barang pertukaran yang tidak diketahui oleh pihak yang menanggung kerugian (*maghbun*) semasa akad dilakukan. Manakala *taghrir* (sinonim *tadlis*) pula bermakna penipuan atau memberikan gambaran palsu tentang sesuatu barang yang hendak dijual sehingga mempengaruhi pembeli agar membeli barang berkenaan dengan harga yang disebut oleh penjual. Umpamanya A mengatakan jam yang dijualnya adalah buatan Perancis dan harga yang dijual beli murah dari tempat lain, sedangkan jam tersebut sebenarnya bukan buatan Perancis dan dijual dengan harga jauh lebih mahal daripada harga pasaran. Dalam persoalan berkenaan nilai kerugian, ada pendapat mengatakan bahawa ia boleh ditetapkan berdasarkan amalan (*uruf*) setempat kerana tidak ada satu nas yang jelas sama ada dalam al-Qur'an atau hadis Rasulullah SAW yang menghadkan atau menyatakan nilai kerugian tertentu.
- iii. Bersih daripada unsur *gharar*
Gharar dari segi bahasa bermaksud risiko atau mendedahkan sesuatu kecelakaan yang tidak dapat dijangka. Dalam istilah fiqah, *gharar* telah diberikan beberapa pengertian yang secara umumnya boleh dibahagikan kepada tiga:

- a. *Gharar* terhad kepada ketidakpastian tentang kewujudan sesuatu barang jualan (*almabi'*). Di antara takrif-takrif yang termasuk dalam bahagian pertama ini ialah syak tentang kewujudan barang yang dijual, keraguan tentang wujud atau tidaknya barang yang dijual (*al-mabi'*) tanpa pentarjihan (keterangan).
 - b. *Gharar* terhad kepada sesuatu yang tidak diketahui (*majhul*). Di antara takrif yang termasuk dalam keterangan di atas ialah takrif yang dinyatakan oleh Ibn Hazm iaitu kejahilan pembeli tentang apa yang dibeli atau kejahilan penjual tentang apa yang dijual.
 - c. *Gharar* meliputi ketidakpastian tentang kewujudan sesuatu perkara dan perkara yang tidak diketahui (*majhul*). Di antara pengertian yang termasuk dalam kategori ini ialah: Sesuatu yang terlindung akibat/natijahnya atau sesuatu yang terlindung dari pengetahuan seseorang.
- iv. Tiada unsur *ihthikar*
- Dalam Bahasa Arab, *ihthikar* bererti menahan, mengumpul dan menguasai sesuatu. Dalam istilah fiqah, ia ditakrifkan sebagai menghalang barang yang amat diperlukan oleh orang ramai dengan niat menaikkan harga barang tersebut sama ada dengan cara menyimpannya (di suatu tempat) atau merosakkannya dengan sengaja atau enggan menjual barang berkenaan kecuali dengan harga yang tinggi. Daripada pengertian di atas, disimpulkan bahawa sesiapa sahaja yang melakukan sesuatu yang boleh menaikkan harga barang yang amat diperlukan oleh orang ramai dikira sebagai *muhtakir* (orang yang melakukan *ihthikar*). Justeru, segala hukum berkait dengan *ihthikar* terpakai ke atasnya.

Ihthikar diharamkan dalam Islam kerana ia membawa kemudaratan kepada orang ramai. Dalam Islam kepentingan (*masalahah*) orang ramai diutamakan daripada kepentingan individu. Pengharaman *ihthikar* ini dijelaskan dalam banyak hadis di antaranya: Yang bermaksud: "Barang siapa yang *ihthikar* makanan keatas orang Islam, Allah akan menimpakan ke atas mereka penyakit *judham* dan menjadikannya mufliis".

Daripada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa hasil yang diiktiraf oleh Islam ialah hasil yang bebas daripada unsur riba, *ghabn* yang berpunca dari penipuan, *gharar* dan *ihthikar*.

4 Konsep Perbelanjaan

4.1 Konsep Perbelanjaan dalam Perakaunan

Perbelanjaan telah didefinisikan oleh Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS)

sebagai “penurunan dalam aset, atau peningkatan liabiliti, yang mengakibatkan penurunan ekuiti, selain daripada yang berkaitan dengan pembayaran kepada pemegang tuntutan ekuiti”. Definisi yang sama telah diguna pakai oleh Piawaian Pelaporan Entiti Swasta Malaysia (MPERS) sebagai “perbelanjaan yang timbul dalam aktiviti biasa entiti termasuk, sebagai contoh, kos jualan, upah dan susut nilai. Perbelanjaan biasanya merupakan aliran keluar atau penurunan aset seperti tunai dan kesetaraan tunai, inventori, atau harta, loji dan peralatan”. Dengan kata lain, perbelanjaan adalah penurunan faedah ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dalam tempoh pelaporan dalam bentuk aliran keluar atau penggunaan aset atau pengenaan liabiliti yang menyebabkan penurunan dalam nilai aset/ ekuiti bersih yang dapat diukur dengan pasti.

Pengiktirafan perbelanjaan dilakukan sekiranya terdapat aliran keluar ekonomi dan boleh diukur dengan pasti. Penilaian perbelanjaan berkaitan dengan aset dan liabiliti di mana perbelanjaan dan pendapatan tersebut berkaitan dengan perubahan dalam aset dan liabiliti. Prinsip pengiktirafan perbelanjaan menyatakan bahawa perbelanjaan hendaklah diiktiraf dalam tempoh yang sama dengan pendapatan yang berkaitan dengannya. Sekiranya ini tidak berlaku, perbelanjaan mungkin akan diiktiraf seperti yang ditanggung, yang mungkin terdahulu atau mengikut tempoh di mana jumlah pendapatan yang berkaitan diiktiraf. Pengiktirafan perbelanjaan juga dibuat apabila urus niaga pertukaran atau perkhidmatan telah dilaksanakan, bukan hanya apabila pembayaran dibuat.

4.2 Konsep Perbelanjaan dalam Islam

Perbelanjaan dalam Islam dipandang sebagai kebaikan. Kegiatan ini dilakukan untuk memenuhi keperluan baik jasmani mahupun rohani sehingga mampu memaksimumkan fungsi manusia sebagai hamba Allah SWT untuk mendapatkan kebahagiaan dunia dan akhirat (*falâh*). Kebahagiaan di dunia bermaksud tercapai segala kehendak manusia dalam berurusan sesama manusia termasuklah melaksanakan sistem ekonomi dan muamalat. Manakala kebahagiaan di akhirat bermaksud kejayaan manusia dalam memaksimumkan ibadah atau amal yang diperintahkan sebagai hamba Allah sehingga mendapat ganjaran kenikmatan *ukhrawi* (syurga) sepertimana yang dinyatakan di dalam al Quran (Al-Baqarah:168):

” ... Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan, dan berbuat baiklah, kerana Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik.”

Islam, walau bagaimanapun, menegaskan perbelanjaan yang dimaksudkan hendaklah berlandaskan Syariah untuk mencapai tujuan falah tersebut. Falah akan tercapai dengan terpeliharanya lima keperluan asas kehidupan (*maslahat*) sepertimana yang digariskan oleh maqasid al-Syariah (objektif Syariah) iaitu (a) agama (*deen*), (b) jiwa (*nafs*), (c) keturunan (*nasl*), (d) harta (*maal*) dan (e) akal (*aql*). Abu Ishaq Asy-Syatibi (2004) dan Zarqa' (1984) menggariskan 3 turutan keutamaan untuk tujuan memelihara kelima-lima aspek kehidupan

tersebut turutan berikut:

- i. keperluan (*dharuriyat*),
- ii. kesenangan/kehendak (*hajiyyat*), dan
- iii. kesempurnaan (*tahsiniyyat*).

Kunci daripada pemeliharaan lima aspek falah terletak pada tingkat keutamaan yang pertama, iaitu *dharuriyat*. Ia merangkumi keperluan asas manusia untuk hidup di muka bumi ini iaitu makanan, pakaian, tempat perlindungan dan lain-lain. Keperluan tingkat pertama ini adalah bersifat dasar (*basic needs*) dan cenderung bersifat fleksibel mengikut tempat dan waktu. Keutamaan peringkat kedua pula iaitu *hajiyyat*, merupakan hal-hal yang tidak penting bagi kelangsungan lima perkara asas kehidupan yang digariskan oleh *maqasid al-Syariah*, akan tetapi ia penting untuk menghilangkan kesukaran dan rintangan dalam hidup. Manakala keutamaan yang ketiga iaitu *tahsiniyyat*, merupakan hal-hal yang berhubungan dengan keselesaan sahaja atau lebih bertujuan untuk melengkapi kehidupan manusia.

Dalam konteks zakat yang ditadbir oleh MAIN atau entiti yang dilantik oleh MAIN, perbelanjaan adalah merupakan agihan zakat kepada 8 kategori penerima (*asnaf*) yang telah ditetapkan oleh Islam di dalam surah At-Tawbah (9:60): miskin (*fuqara'*); yang memerlukan (*masakin*); pentadbir zakat (*amil*); orang-orang yang telah didamaikan (*mu'allafu qulubuhum*); mereka yang dalam perhambaan (*riqab*); mereka yang berhutang (*al gharimin*); mereka yang berjuang di jalan Allah (*fi sabilillah*) dan musafir (*ibnu sabil*). Falsafah agihan zakat adalah bagi memastikan kelangsungan kehidupan umat Islam dalam memelihara agama, jiwa, harta, keturunan dan akal. Oleh itu, agihan zakat kontemporari boleh dibuat dalam bentuk agihan konsumatif (faedah agihan zakat boleh dinikmati dengan serta-merta) atau produktif (faedah agihan zakat tidak akan dinikmati dengan segera). Apa jua bentuk agihan yang dilaksanakan oleh MAIN atau entiti yang dilantik oleh MAIN hendaklah berpandukan kepada kerangka keutamaan *dharuriyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat* bagi mencapai kelima-lima *maqasid al-Syari'ah* tersebut.

5 Metodologi Kajian

Kajian amalan perakaunan zakat ini telah dijalankan ke atas empat MAIN terpilih (MAIN 1, MAIN 2, MAIN 3 dan MAIN 4). MAIN 1 dan MAIN 4 hanya melaksanakan fungsi agihan zakat sementara fungsi kutipan dilaksanakan oleh anak syarikat yang dilantik sebagai ejen melalui perjanjian '*wakalah*'. MAIN 2 dan MAIN 3 melaksanakan kedua-dua fungsi kutipan dan agihan zakat. Pengumpulan data amalan perakaunan zakat telah dijalankan dalam dua peringkat. Peringkat pertama pengumpulan data ialah membuat analisa dokumen ke atas Penyata Kewangan 2016 yang telah diaudit untuk mendapatkan maklumat amalan perakaunan yang dilaksanakan oleh MAIN berkenaan dalam merekod hasil atau kutipan zakat dan perbelanjaan atau agihan zakat. Peringkat kedua pengumpulan data telah melibatkan perbincangan kumpulan fokus bersama pengurusan tertinggi serta akauntan dan

pegawai zakat MAIN berkenaan. Perbincangan kumpulan fokus ini adalah bertujuan untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai dapatan amalan perakaunan zakat pada peringkat pertama pengumpulan data.

Analisa data dibuat berdasarkan kepada peringkat pengumpulan di mana kaedah ringkas deskriptif telah dibuat dengan merujuk kepada amalan perakaunan yang diguna pakai dalam merekodkan urus niaga zakat (khususnya kutipan dan agihan) di dalam Penyata Kewangan. Analisa yang dibuat ke atas penyata kewangan tidak terhad kepada maklumat kewangan yang dilaporkan di dalam penyata-penyata kewangan seperti Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif dan Penyata Aliran Tunai tetapi juga di bahagian naratif. Ianya akan membantu pengukuhan data atau maklumat yang dibentangkan di dalam penyata kewangan. Manakala perbincangan kumpulan fokus telah disalin secara kata demi kata (*verbatim transcription*) untuk mendapat penjelasan lanjut mengenai amalan perakaunan semasa di MAIN berkaitan. Ringkasan dapatan daripada dua peringkat pengumpulan data seterusnya dihantar semula kepada MAIN untuk semakan dan pengesahan dapatan.

Dalam membuat kajian ke atas amalan perakaunan semasa zakat, rujukan telah dibuat ke atas Piawaian Pelaporan Entiti Swasta Malaysia (*Malaysian Private Entities Reporting Standards [MPERS]*), dan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (*Malaysian Public Sector Accounting Standards [MPSAS]*).

6 Amalan Perakaunan Kutipan dan Agihan Zakat

6.1 Dapatan Kajian

Penulisan dapatan kajian ini dibahagikan kepada dua iaitu mengenai latar belakang operasi perakaunan MAIN terpilih dan amalan perakaunan zakat yang dilaksanakan oleh MAIN berkaitan.

6.1.1 Latar Belakang Operasi Perakaunan MAIN

Berdasarkan analisa yang dibuat ke atas Penyata Kewangan 2016, kesemua MAIN (MAIN 1, MAIN 2, MAIN 3 dan MAIN 4) yang dipilih untuk kajian ini mengguna pakai perakaunan dana atau kumpulan wang (KW) (*fund accounting*) dalam perakaunan dan persembahan penyata kewangan. Tiga KW utama yang dilaporkan oleh MAIN berkenaan adalah KW Wakaf, KW Zakat dan KW Baitulmal. Terdapat beberapa KW lain-lain yang dilaporkan berdasarkan akta/enakmen masing-masing. Walau bagaimanapun, bagi tujuan penulisan ini tumpuan hanya dibuat ke atas KW Zakat memandangkan kajian ini berkaitan dengan amalan perakaunan zakat.

Dari segi persembahan penyata kewangan, MAIN 1 didapati tidak menyediakan penyata kewangan berasingan bagi KW Zakat sebaliknya maklumat berkaitan dengan zakat

diaggregatkan di dalam Penyata Kewangan Kumpulan. Maklumat kewangan zakat seperti hasil kutipan zakat dan jumlah agihan zakat dilaporkan di nota kepada penyata kewangan. MAIN 2 pula menyediakan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan KW Zakat sahaja tetapi ia menjadi sebahagian daripada penyata kewangan tahunan utama. MAIN 3 telah menyediakan kedua-dua Penyata Kedudukan Kewangan KW Zakat dan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan KW Zakat. Kedua-dua penyata ini walau bagaimanapun dilaporkan sebagai sebahagian daripada nota kepada penyata kewangan tahunan utama. MAIN 4 juga menyediakan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan Zakat dan dilaporkan sebagai nota kepada penyata kewangan tahunan utama. Bagi MAIN 2, Main 3 dan MAIN 4, maklumat zakat yang dilaporkan di dalam penyata-penyata KW Zakat berasingan juga disatukan di dalam KW Disatukan atau Kumpulan.

Dalam penyediaan Penyata Kewangan 2016, kesemua MAIN kecuali MAIN 4 telah membuat rujukan ke atas Piawai Pelaporan Entiti Swasta Malaysia (MPERS) sepertimana yang diarahkan oleh Jabatan Akauntan Negara. MAIN 4 telah mendapat pengecualian dari penggunaan MPERS atas sebab kekangan infrastruktur perakaunan yang belum bersedia untuk penggunaan piawai tersebut. MAIN 4 juga telah mendapat kelulusan bagi pemakaian awal MPSAS daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia bermula tahun 2017. Keputusan pemakaian awal MPSAS dibuat bagi memenuhi keperluan untuk menyeragamkan amalan perakaunan MAIN 4 dengan anak syarikatnya yang dipegangnya. Penyata Kewangan ini diaudit oleh Jabatan Audit Negara.

6.1.2 Perakaunan Hasil Zakat di dalam Penyata Kewangan MAIN

Berdasarkan kepada semakan ke atas Penyata Kewangan 2016 bagi kesemua MAIN terpilih, dua jenis urus niaga zakat utama telah direkodkan di dalam penyata kewangan masing-masing iaitu kutipan zakat dan agihan zakat. Kutipan zakat direkod sebagai hasil bagi KW Zakat dan agihan pula direkod sebagai perbelanjaan KW Zakat berdasarkan kepada konsep perakaunan tunai. Selain daripada kutipan zakat yang diterima secara langsung daripada pembayar zakat, turut direkodkan sebagai hasil KW Zakat adalah pelbagai pendapatan seperti yang dilaporkan di Jadual 1. Terdapat perbezaan yang nyata dari segi hasil atau pendapatan yang direkodkan oleh MAIN 1 dan 3 MAIN yang lain. MAIN 1 telah merekod pelbagai jenis hasil atau pendapatan termasuk hasil penyewaan hartanah/kenderaan, jualan/keuntungan aset yang dilupuskan, jualan inventori, jualan borang/bahan cetakan, yuran sivil nikah, yuran pendaftaran/pembaharuan peguam syarie, yuran pengajian, royalti, keuntungan pembiayaan anak syarikat, pengambilan tanah oleh kerajaan, dan denda kelewatan projek. Hasil-hasil ini direkod berdasarkan kepada perakaunan akrual.

Jadual 1: Hasil yang Direkod di dalam KW Zakat

Jenis Hasil/Pendapatan	MAIN 1	MAIN 2	MAIN 3	MAIN 4
Kutipan Zakat	√	√	√	√
Hasil sewaan hartanah/ kenderaan	√	x	x	x
Hasil jualan/keuntungan aset yang dilupuskan	√	x	x	x
Hasil jualan inventori	√	x	x	x
Hasil jualan borang/bahan cetakan (buku)	√	x	x	x
Hasil yuran sijil halal/ sijil nikah	√	x	x	x
Hasil yuran pendaftaran/ pembaharuan peguam syarie	√	x	x	x
Hasil pelaburan KW Zakat (keuntungan/ hibah)	√	√	√	√
Hasil pelaburan saham - dividen	√	x	x	x
Hasil yuran pengajian	√	x	x	x
Royalti	√	x	x	x
Hasil keuntungan pembiayaan anak syarikat/kakitangan	√	x	x	x
Pampasan pengambilan tanah oleh kerajaan	√	x	x	x
Denda kelewatan projek	√	x	x	x
Hasil jualan inventori bekalan perubatan, barangan runcit, alat tulis & buku	Anak syarikat	x	x	Anak Syarikat
Caj klinik, wad dan makmal	Anak syarikat	x	x	x

*Nota:

√ - Wujud transaksi pada tahun laporan 2016

x – Tidak wujud transaksi pada tahun laporan 2016

Berdasarkan kepada perbincangan kumpulan fokus bersama pegawai-pegawai MAIN yang berkaitan, jumpaan menarik adalah KW Zakat yang terdapat di MAIN 1 adalah mewakili keseluruhan operasi MAIN 1. MAIN 1 meletakkan agihan zakat sebagai aktiviti operasi utama MAIN yang dilaksanakan oleh Bahagian Baitulmal dan Bahagian Pembangunan Insan sementara infrastruktur pentadbiran lain wujud sebagai aktiviti sokongan ke atas aktiviti agihan zakat. Kedua-dua Bahagian Baitulmal dan Bahagian Pembangunan Insan melaksanakan agihan konsumtif dan produktif masing-masing. Bahagian Baitulmal membuat 60% daripada agihan zakat dalam bentuk skim bantuan terus kepada asnaf. Bahagian Pembangunan Insan dengan disokong oleh Bahagian Pembangunan Infrastruktur membuat agihan dalam bentuk penyediaan infrastruktur seperti sekolah-sekolah, institusi pendidikan dan kemudahan-kemudahan fizikal yang lain termasuk penyelenggaraan

infrastruktur tersebut. Sehubungan dengan itu, sebahagian besar operasi MAIN 1, kecuali yang berkaitan dengan wakaf, sumber am dan dana-dana khas, adalah merupakan operasi KW Zakat. Ini menjelaskan kewujudan hasil selain daripada hasil kutipan zakat terus dari pembayar di dalam KW Zakat. Hasil daripada pelaburan pula diterima daripada pelaburan patuh Syariah jangka pendek dan berisiko rendah baki kutipan yang belum diagihkan kepada asnaf serta diluluskan oleh Majlis atau Jawatankuasa Fatwa negeri masing-masing.

Secara umumnya, hasil-hasil tersebut diiktiraf pada nilai saksama yang diterima atau belum terima iaitu dalam ukuran wang tunai atau kesetaraan tunai. Juga terdapat hasil yang ditetapkan nilainya berdasarkan kepada perjanjian antara MAIN dengan pembeli atau pengguna ke atas sesuatu aset atau perkhidmatan seperti dividen, keuntungan atau royalti. Pengiktirafan pula dilaksanakan berdasarkan kepada kesempurnaan semua urusan niaga berkenaan. Dokumen-dokumen seperti perjanjian digunakan sebagai indikasi kesempurnaan sepertimana perjanjian royalti diantara MAIN 1 dan syarikat yang mengoperasikan Hospital T.

6.1.3 Perakaunan Agihan Zakat di dalam Penyata Kewangan MAIN

Berdasarkan kepada analisa ke atas Penyata Kewangan 2016 keempat-empat MAIN yang terpilih, secara umumnya agihan zakat adalah direkod sebagai perbelanjaan KW Zakat kecuali di MAIN 1 dimana agihan zakat dalam bentuk infrastruktur direkod sebagai aset KW Zakat. Pelaporan agihan zakat adalah berdasarkan kepada pendekatan penyediaan penyata kewangan sepertimana yang dibincangkan di seksyen 6.1.1 (Latar Belakang Operasi Perakaunan MAIN).

Berdasarkan kepada perbincangan kumpulan fokus bersama pegawai-pegawai MAIN terdapat dua jenis agihan zakat dilaksanakan oleh MAIN. Agihan langsung atau konsumtif adalah berupa skim bantuan yang diberikan terus kepada asnaf dan asnaf boleh menerima faedah agihan ini dengan segera. Ini termasuklah bantuan bulanan, bantuan bulanan bekalan makanan, bantuan sewa rumah, bantuan perubatan atau rawatan penyakit kronik dan bantuan pendidikan. Kaedah agihan zakat secara langsung kebanyakannya adalah secara tunai atau setara tunai. Jenis agihan ini dilaksanakan oleh keempat-empat MAIN dalam kajian ini.

Agihan tidak langsung atau produktif dibuat melalui pemberian aset seperti bangunan rumah, kenderaan dan alatan. MAIN 3 umpamanya membuat agihan dalam bentuk rumah kepada *asnaf* yang dibina di atas tanah milik *asnaf*, pembinaan perumahan *asnaf* seperti Daruzzakah di Bandar K untuk kegunaan *asnaf mualaf*, pembinaan 40 buah rumah *asnaf* menggunakan agihan zakat Bank A serta pembelian enjin bot dan motosikal. Bagi pembelian enjin bot dan motosikal, ianya boleh diambil semula oleh MAIN 3 sekiranya asnaf didapati tidak menggunakan enjin bot dan motosikal seperti sepatutnya. Agihan produktif ini juga boleh dibuat bentuk penyediaan bangunan atau kemudahan-kemudahan berserta penyelenggaraan untuk sesuatu kumpulan asnaf oleh MAIN. MAIN 3 contohnya membina Darul Akhyar serta madrasah-madrasah moden serta membuat bantuan tetap

kepada institusi ini yang mengendalikan dakwah kepada asnaf mualaf dan rumah anak-anak yatim. MAIN 2 dan MAIN 4 ada membuat agihan produktif melalui pemberian aset seperti bangunan rumah, kenderaan atau alatan. Pembinaan rumah asnaf dibuat di atas tanah asnaf dan menjadi 'milik' asnaf. Sementara itu, MAIN 1 membuat 40 peratus agihan zakat dalam bentuk penyediaan bangunan atau kemudahan-kemudahan berserta penyelenggaraan untuk sesuatu kumpulan *asnaf*. Contohnya ialah pembinaan bangunan Darul Hidayah bagi kegunaan *asnaf mualaf*, Darussaadah untuk digunakan menempatkan remaja perempuan bermasalah, Darul Kifayah bagi kegunaan anak-anak fakir/miskin serta beberapa bangunan sekolah dan institusi pendidikan yang kebanyakannya menggunakan bahagian agihan *asnaf fi sabilillah*. Apa yang menarik ialah bangunan ini adalah dikawal dan ditadbir oleh MAIN 1 sepenuhnya.

Berdasarkan kepada Penyata Kewangan 2016 dan perbincangan kumpulan fokus, kesemua agihan zakat di MAIN 2, MAIN 3 dan MAIN 4 adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan tanpa mengambil kira jenis agihan berkenaan berdasarkan konsep perakaunan tunai. Ini bermaksud agihan produktif yang melibatkan pembangunan aset seperti bangunan juga akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dan implikasi perakaunan ini tiada pengiktirafan bangunan sedangkan bangunan wujud secara fizikal. Sebagai contoh pembangunan Daruzzakah di Kemaman untuk asnaf mualaf atau peralatan (seperti enjin bot dan motosikal) juga diiktiraf hanya sebagai belanja dan bukan sebagai harta KW Zakat MAIN 3 walaupun pengurusan dan hakmilik tertakluk keatas MAIN 3. Keadaan ini juga berlaku di MAIN 2 dan MAIN 4.

Situasi yang sama juga berlaku di MAIN 2 dan MAIN 4. Keadaan yang berbeza berlaku di MAIN 1. Hartanah yang diperolehi menggunakan dana KW Zakat diiktiraf sebagai aset KW Zakat. Melalui pemerhatian, ini adalah kerana operasi MAIN 1 itu sendiri di bawah KW Zakat sepertimana yang dibincangkan di perenggan terdahulu (Perakaunan Hasil Zakat di dalam Penyata Kewangan MAIN). Oleh yang demikian, segala perolehan aset yang menggunakan dana KW Zakat adalah dikategorikan sebagai aktiviti KW Zakat dan diiktiraf sebagai aset KW Zakat.

6.2 Perbincangan Dapatan Kajian

6.2.1 Hasil Kumpulan Wang Zakat

Berdasarkan kepada perakaunan sektor awam, kutipan zakat adalah di dalam hasil urus niaga bukan pertukaran. Urus niaga bukan pertukaran berlaku apabila sesuatu entiti menerima sesuatu sumber (aset, tunai atau setara tunai) tanpa memberikan sebarang ganjaran atau menyediakan ganjaran nominal yang segera sebagai balasan (MPSAS 23, para 9). Dalam konteks pembayaran zakat, MAIN dan ejen yang dilantik tidak memberikan sebarang balasan yang setara dengan bayaran zakat yang diterima. Zakat yang dibayar oleh pembayar merupakan kewajipan oleh seorang Islam apabila harta atau pendapatan yang dimiliki telah memenuhi kesemua syarat pengeluaran atau pembayaran zakat. Seterusnya zakat ini akan diagihkan oleh MAIN kepada *asnaf* mengikut yang ditetapkan oleh Syariah

melalui skim bantuan yang berkaitan.

Memandangkan kesemua MAIN terpilih mengguna pakai perakaunan dana (*fund accounting*), amalan semasa perakaunan kutipan zakat sebagai hasil kepada KW Zakat adalah bertepatan dengan konsep perakaunan dana. Perakaunan dana ini bersesuaian digunakan dalam perakaunan dana zakat memandangkan ianya adalah dana terhad (*restricted fund*) dari segi penggunaannya. Hasil kutipan zakat hanya boleh diagihkan kepada asnaf yang telah ditetapkan oleh Syariah dan bukan untuk perbelanjaan lain-lain. Perakaunan dana ini juga membolehkan pentadbir zakat iaitu MAIN mengawal dan mengesan perbelanjaan hasil kutipan zakat hanya dibuat untuk agihan kepada *asnaf*. Hasil kutipan zakat juga adalah hasil yang sah untuk KW Zakat memandangkan ianya adalah memenuhi ciri-ciri hasil dalam Islam iaitu bebas dari unsur *riba*, *ghabn fahish* yang berpunca daripada *taghdir*, *gharar* dan *ikhtikar*.

Namun begitu, terdapat beberapa pihak yang berpendapat bahawa hasil kutipan zakat perlu di rekod sebagai liabiliti kepada MAIN kerana ianya adalah amanah atau tanggungjawab MAIN untuk menguruskannya. Perkara ini dilihat tidak akan membawa sebarang isu percampuran dana zakat dan dana MAIN kerana dalam perakaunan dana, kerana hasil kutipan zakat direkod di dalam dana yang terhad iaitu di bawah KW Zakat di mana ia mempunyai entiti tersendiri dan berasingan daripada MAIN. MAIN hanya bertindak sebagai pemegang amanah. Ada juga pihak yang mencadangkan bahawa istilah atau nama yang digunakan perlulah berhubung terus dengan zakat seperti 'terimaan zakat' agar dapat memberi kefahaman jelas kepada pembaca laporan.

Kajian ini berpendapat bahawa perakaunan dana adalah yang terbaik untuk merekodkan hasil kutipan zakat kerana ianya adalah kumpulan dana khusus untuk merekodkan dana zakat sama ada kutipan mahupun agihan. Selain daripada itu, ia memperlihatkan kejadian sebenar yang berlaku (*substance*) dalam pengurusan zakat di mana pihak MAIN bertindak sebagai pihak mengutip dana zakat. Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia, dalam mesyuarat ke-57 bertarikh 30 Mac 2006 dan mesyuarat ke-71 bertarikh 26 - 27 Oktober 2007, telah memutuskan bahawa pada dasarnya, "substansi" (*substance*) dan "bentuk" (*form*) adalah sama penting dan sangat dipertimbangkan oleh Syariah. MPS menekankan bahawa "substansi" dan "bentuk" mestilah konsisten dan tidak bertentangan dengan satu sama lain. Sekiranya berlaku tidak konsisten antara "substansi" dan "bentuk" disebabkan oleh faktor tertentu, Syariah meletakkan lebih penting pada "bahan" dan bukannya "bentuk". Kaedah pihak yang boleh menjelaskan perkara ini adalah "Sesuatu perkara adalah bergantung kepada" dan "Di dalam kontrak, kesan diberikan kepada niat dan makna dan bukan kata-kata (*forms*)" (Ali Ahmad al-Nadwi, 2000).

Terdapat juga hasil selain dari kutipan zakat seperti sewaan, jualan inventori, royalti, dividen, yuran peguam Syariah/sijil nikah/sijil halal dan lain-lain seperti yang dibincangkan di para sebelum ini (rujuk Seksyen Perakaunan Hasil Zakat di dalam Penyata Kewangan MAIN). Hasil-hasil ini adalah hasil yang diterima sama ada telah meningkatkan nilai harta atau penurunan tanggungan kepada MAIN berkenaan yang

ditunjukkan peningkatan dalam kedudukan kewangan bersih entiti, selain kenaikan yang timbul daripada sumbangan pemilikan. Hasil urus niaga pertukaran adalah sebarang hasil yang timbul daripada operasi dan memberi peningkatan kepada nilai aset atau mengurangkan nilai tanggungan (MPSAS 9). Hanya MAIN 1 yang mempunyai hasil urus niaga pertukaran seperti yang dinyatakan di atas dan telah direkod sebagai hasil kepada KW Zakat kerana pendekatan pentadbiran KW Zakat yang berbeza di MAIN 1 dengan MAIN 2, MAIN 3 dan MAIN 4.

Walaupun perakaunan hasil kutipan zakat adalah secara tunai, pandangan Syariah membenarkan perakaunan akruan diterima pakai atas dasar bahawa sesuatu pihak berhak ke atas sesuatu pendapatan yang direalisasikan meskipun masih belum diterima secara tunai (Majmu'ah Dallah Barakah, Fatawa al Barakah 1981-1997)² dan juga dari segi uruf (*customary practice*). Amalan perakaunan hasil-hasil selain dari kutipan zakat secara langsung dari pembayar zakat adalah selaras dengan perakaunan hasil secara akruan. Hasil kutipan zakat (hasil urus niaga bukan pertukaran) dan hasil-hasil urus niaga pertukaran perlu dilaporkan dalam baris yang berlainan di dalam Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan KW Zakat dan KW Disatukan atau Kumpulan. Ini bertujuan untuk pembentangan telus maklumat hasil kutipan zakat dan hasil selain dari kutipan zakat yang diselenggara oleh KW Zakat. Walau bagaimanapun, pendedahan terperinci maklumat hasil adalah dicadangkan melalui pendedahan berhierarki iaitu mengikut turutan *dharuriyat*, *hajjiyyat* dan *tahsiniyyat*. Pendedahan berdasarkan hierarki ini akan memberi satu laporan yang wajar dan saksama mengenai kedudukan kewangan MAIN dengan mengambil kira kepentingan pemegang taruh.

6.2.2 Perbelanjaan Kumpulan Wang Zakat

Perbincangan seksyen ini akan tertumpu kepada agihan zakat yang merupakan perbelanjaan khusus KW Zakat. Kewujudan asnaf amil sebagai salah satu penerima zakat adalah juga dilihat sebagai mempunyai kuasa tertentu dalam menguruskan dana (Qardhawi, 2001). Kajian lapangan telah menemui terdapat dua jenis agihan iaitu agihan secara langsung atau konsumtif dan agihan secara tidak langsung atau produktif. Kesegeraan dalam agihan zakat adalah aspek utama pentadbiran zakat kerana apabila kewajipan itu dilaksanakan, asnaf yang sah mesti menerima zakat tersebut (al-Nawawi's Kitab al-Majmu', al-Mughni Ibn Qudama, yang disebutkan dalam Wan Ahmad, 2012). Agihan konsumtif dalam bentuk skim-skim bantuan tunai, kemudahan, makanan, bantuan kesihatan dan sebagainya adalah perbelanjaan biasa dari perspektif perakaunan. Dalam kata lain ianya seperti perbelanjaan operasi sesuatu entiti dan perbelanjaan ini juga boleh dikategorikan sebagai perbelanjaan 'hangus' atau tidak dimodalkan. Perakaunan agihan zakat secara langsung atau konsumtif ini adalah bertepatan dengan konvensyen perakaunan perbelanjaan (operasi).

Walaupun bagaimanapun, agihan secara tidak langsung (produktif) adalah melibatkan pemberian barangan modal seperti motosikal beroda tiga, enjin, kenderaan, rumah dan infrastruktur seperti bangunan sekolah, institusi pengajian serta kemudahan-

2 Majmu Majmu'ah Dallah Barakah, Fatawa al Barakah, 1981-1997,p.134, fatwa no. 8/2.

kemudahan yang bersifat fizikal dan kekal. Pada kebiasaannya, agihan zakat produktif bersifat memberi kesan faedah zakat untuk masa hadapan seperti modal perniagaan dalam bentuk wang atau peralatan. Dalam konteks ini, MAIN berkaitan mempunyai kuasa kawalan ke atas aset berkaitan dari segi penggunaan dan penyelenggaraan untuk manfaat asnaf yang berkaitan. Agak berbeza dengan konsep asal agihan zakat yang menekankan aspek kesegeraan dalam agihan supaya asnaf akan menikmati manfaat zakat dengan segera, agihan produktif melibatkan penangguhan manfaat zakat dan ia boleh dinikmati untuk jangka masa yang panjang. Walaupun agihan ini bertentangan dengan konsep kesegeraan dalam agihan zakat, sebuah hadis daripada Imam Nawawi, Nabi Muhammad (SAW) bersabda "... *seseorang yang memerlukan dan boleh diberi zakat sehingga dia menjadi kaya ...*", Imam an-Nawawi³. Hadis ini menyimpulkan bahawa orang yang layak mendapat zakat ialah "siapa yang memerlukan" dan "sehingga dia menjadi kaya ...". Dalam perkara ini, proses menjadi kaya boleh dikaitkan kepada zakat produktif, iaitu penyaluran dana bantuan zakat kepada asnaf yang menceburi bidang perniagaan, keusahawanan, perindustrian, atau pelaburan di mana matlamat jangka panjang ialah agar mereka menjadi kaya dan boleh mengeluarkan zakat pada masa hadapan.

Melihat kepada keperluan semasa ke semasa, zakat produktif telah lama dipraktikkan sejak zaman Rasulullah lagi. Dalam sebuah hadis riwayat Imam Muslim dari Salim Bin Abdillah Bin Umar dari ayahnya, "*bahawa Rasulullah telah memberikan zakat kepadanya lalu menyuruhnya untuk dikembangkan atau disedekahkan lagi*"⁴. Zakat jenis ini telah diterima dan dilaksanakan di kebanyakan negara Islam. Sebagai contoh, kajian dilakukan oleh Ali et al. (2016) di Indonesia mendapati bahawa penyaluran zakat produktif terbukti dapat meningkatkan kesejahteraan sekali gus menurunkan tahap kemiskinan para asnaf berbanding zakat konsumtif.

Ulama kontemporari berpendapat zakat juga turut dilihat sebagai salah satu dasar makroekonomi yang dapat diperkukuhkan untuk mengimbangi ketidakseimbangan sosial (Hamidullah, 1997). Beberapa ulama (Mannan, 1986, Muhammad, 1995; Pramanik, 1997; Qaradawi, 2001) menyokong idea bahawa dana zakat dapat digunakan dengan lebih baik jika dilaburkan oleh entiti berkebolehan untuk mengurus dengan baik. Dari interpretasi hadis oleh an-Nawawi di atas, Qaradawi menegaskan bahawa zakat boleh digunakan sebagai pelaburan modal di mana pulangnya dapat digunakan untuk menampung keperluan asas mereka. Beliau berkata dana zakat boleh digunakan oleh pihak berkuasa untuk menubuhkan syarikat-syarikat pembuatan dan organisasi perniagaan yang boleh menjadi milikan sebahagian atau sepenuhnya oleh golongan miskin.

Agihan tidak langsung atau produktif ini mempunyai implikasi perakaunan yang berbeza berbanding dengan agihan secara langsung atau konsumtif. Memandangkan agihan ini adalah perbelanjaan modal dalam bentuk aset fizikal dan dalam situasi tertentu MAIN juga

3 Sharh al-imam Nawawi 'ala saheeh al-imam al-muslim, v. 4, 432-3.

4 An-Nawawi. U'ta kifayah al-umr, lihat an-Nawawi, al-majmu', VI

mempunyai kawalan ke atas aset fizikal berkenaan, perakaunan yang lebih bertepatan hendaklah selari dengan konvensyen perakaunan aset di mana pengaliran kasar faedah ekonomi telah menghasilkan penambahan nilai kedudukan kewangan entiti. Dengan kata lain, perbelanjaan agihan produktif hendaklah dimodalkan dan aset yang dimodalkan diambil kira sebagai penambahan aset KW Zakat. Amalan perakaunan ke atas agihan produktif di tiga MAIN terpilih kecuali MAIN 1, adalah sama seperti agihan secara langsung iaitu sebagai perbelanjaan operasi. Amalan perakaunan ini dikatakan selaras dengan asas agihan zakat iaitu penyerahan hak kepada asnaf berkaitan di mana pentadbir tiada hak ke atas sesuatu yang diserahkan kepada asnaf termasuk aset modal dan dengan itu dikategorikan sebagai perbelanjaan (operasi) KW Zakat. MAIN 1, walau bagaimanapun, memodalkan agihan produktif ini dan mengiktiraf aset-aset seperti bangunan sekolah dan kemudahan-kemudahan fizikal di dalam KW Zakat. Amalan perakaunan ini dilihat lebih bertepatan dengan konvensyen perakaunan perbelanjaan modal (aset).

7 Rumusan

Ketiadaan piawaian perakaunan khusus serta memenuhi keperluan Syariah untuk urus niaga zakat menyebabkan ketidakseragaman amalan perakaunan urus niaga zakat di Malaysia. Walaupun didapati tiga dari MAIN terpilih dalam kajian ini telah menggunakan piawaian yang sama iaitu Piawaian Pelaporan Entiti Swasta Malaysia (MPERS), terdapat ketidakseragaman dalam merekodkan agihan produktif yang melibatkan perbelanjaan modal. Ini adalah kerana tiada peruntukan khusus berkaitan dengan urus niaga zakat di dalam piawaian tersebut. Berdasarkan dapatan daripada tinjauan amalan perakaunan semasa urus niaga zakat, penulis mencadangkan supaya piawaian perakaunan khusus untuk urus niaga zakat dibangunkan dengan mengambil kira keperluan Syariah yang berkaitan. Ini akan membantu MAIN dalam menangani isu ketelusan pelaporan maklumat zakat kepada pemegang taruh berkaitan dan seterusnya membantu pengurusan organisasi supaya lebih berkesan dan cekap.

Rujukan

- Abu Ishaq Al-Syatibi (2004). *Al-Muwafaqat fi Ushul Al-Syari'at*, Beirut-Lebanon: Dar Al-Ma'arifat.
- Ali Ahmad al-Nadwi, *Jamharah al-Qawa'id al-Fiqhiyyah fi al-Mu'amalat al-Maliyyah*, Syarikah al-Rajhi alMasrafiyyah li al-Istithmar, 2000, v. 1, p. 550).
- Ali, K. M., Amalia, N. N., dan El Ayyub, S. (2016). Perbandingan Zakat Produktif dan Zakat Konsumtif dalam Meningkatkan Kesejahteraan Mustahik, *Jurnal Al-Muzara'ah* Vol.4, No.1 (ISSN p: 2337-6333; e: 2355-4363)
- Al-Zuhaili, Wahbah, Prof. Dr. (2002). *Fiqh al-Islami wa adillatuh*. Birut: Dar al-Fikr.

Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Pahang (1991).

Enakmen Pentadbiran Islam (Negeri Selangor) 2003.

Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Noor, Sanep Ahmad, 'Kesedaran Membayar Zakat: Apakah Faktor Penentunya?,' International Journal of Management Studies 12/2 (2005).

Hamidullah, M. (1997), "Islam's Solution of the Basic Economic Problems", in Taher, M. (Ed.), Studies in Islamic Economics. Anmol Publications Pvt Ltd, New Delhi.

Hamizul Abdul Hamid. (2008). Transformasi Pengurusan Zakat. Dewan Ekonomi.15 (2). 28-31.

Majmu'ah Dallah Barakah, Fatawa Nadawat al-Barakah, 1981 – 1997, p. 134, fatwa no. 8/2.

Mannan, M. A. (1986), "The economics of poverty in Islam with special reference to Muslims Countries", in Iqbal, M. (Ed.), Distributive Justice and Need Fulfilment in an Islamic Economy. The Islamic Foundation, Leicester.

Muhammad, A. (1995), "Financing socio-economic development with zakat funds", Journal of Islamic Economics, Vol. 4 No. 1&2, pp. 13.

Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards [IFRS]).

Piawaian Perakaunan Antarabangsa (International Accounting Standards [IAS]).

Piawaian Pelaporan Entiti Swasta Malaysia (Malaysian Private Entities Reporting Standards [MPERS]).

Paiwaan Perakaunan Sektor Awam Malaysia (Malaysia Public Sector Accounting Standard [MPSAS]).

Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah Negeri Selangor 2013.

Pramanik, A. H. (1997), Development and distribution in Islam, Pelanduk Publications, Petaling Jaya.

Qaradawi, Y. (2001), Fiqah al-Zakah : a comprehensive study of Zakah regulations and philosophy in the light of the Quran and Sunna, Islamic Book Trust, Kuala Lumpur.

Saleem, M. Y. (2007). *A Handbook on Fiqh For Economist 2*. Gombak: International Islamic University of Malaysia.

Wan Ahmad, W. M. (2012), "Zakat investment in Malaysia : a study of contemporary policy and practice in relation to Shari'a", University of, Edinburgh.

Zarqa', Muhammad Anas, "Islamic Economics: An approach to human welfare." International Conference on Islamic Economics (Selected Papers). Delhi: Amar Prakashan. 1984.